

1100089169

Pust Pembelajaran Siswa Siapkan Nur Zainah (2011)



J.P. 59 FPE 1 2010



1100089169

Pembentukan modal tetap kasar dan kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia / Sunitha Mathew.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

21030 KUALA TERENGGANU

1100089169

1100089169

Lihat Sebelah

HAK MILIK

Perset Persebaran Digital Silatan Nura Zahraah

**PEMBENTUKAN MODAL TETAP KASAR DAN KESANNYA
TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA**

**SUNITHA MATHEW
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI
(SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2010

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399 A/B) ini adalah hasil usaha saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui bibliografi yang dihampirkan.

28 MAC 2010



.....

SUNITHA MATHEW

UK 14881

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399 A/B) is the result of my own investigation and findings, except otherwise stated. Other sources are acknowledged by giving explicit references and bibliographies.

28 MARCH 2010



.....

SUNITHA MATHEW

UK 14881

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat semasa saya menjalani kursus EKN 4399 A/B ini terutamanya Prof. Madya Dr. Fauziah Binti Abu Hassan selaku penyelia dan pensyarah yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam menjalani dan menyediakan Projek Ilmiah Tahun Akhir ini maka dapatlah saya menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir ini pada masa yang telah ditetapkan. Tidak lupa juga kepada Encik Nanthakumar Loganathan dan pensyarah-pensyarah di Jabatan Ekonomi yang memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir ini di samping memberi nasihat dan pengalaman yang tidak ternilai. Segala nasihat dan tunjuk ajar kalian akan sayajadikan panduan pada masa hadapan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya Mr. Mathew dan Mrs Grace yang banyak memberi dorongan dan galakkan serta bantuan kewangan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan dan individu-individu yang turut membantu dan terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir ini. Di samping itu, sekalung penghargaan ditunjukkan juga kepada para pustakawan UMT kerana memberi kerjasama dan membantu dalam pengumpulan sumber data.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada sesiapa sahaja yang membantu saya dalam menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir ini sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Jasa kalian tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Sekian, terima kasih.

Sekian,

Sunitha Mathew

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)

[orange_baby02@yahoo.com.my] @ [sunitha_87@live.com]

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencari hubungan yang wujud antara pembolehubah-pembolehubah makroekonomi iaitu pertumbuhan ekonomi negara Malaysia dengan pembentukan modal tetap kasar. Kajian ini juga menganalisis tren pembolehubah-pembolehubah makroekonomi dari tahun 1982 hingga 2007. Dalam kajian ini, pembolehubah makroekonomi terdiri daripada pertumbuhan ekonomi negara Malaysia, pembentukan modal tetap kasar, pelaburan langsung asing, guna tenaga dan eksport. Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM) digunakan di dalam analisis kajian ini bagi mengkaji sama ada wujud hubungan jangka panjang atau hubungan jangka pendek di antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Selain itu juga, beberapa ujian dijalankan iaitu ujian kepegunan menggunakan ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan Ujian Philip-Perron (PP), Ujian kointegrasi, dan ujian Model Vektor Pembetulan Ralat (VECM). Secara keseluruhan, keputusan yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan pembentukan modal tetap kasar dalam jangka masa panjang dan bukan dalam jangka masa pendek. Ini kerana pembolehubah makroekonomi tidak dapat berubah dalam jangka masa pendek dan memerlukan jangka masa yang panjang untuk mempengaruhi antara satu sama lain. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa pembentukan modal tetap kasar, guna tenaga, eksport dan pelaburan langsung asing berhubung secara positif dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Hasil daripada dapatan kajian mencadangkan bahawa pelbagai insentif dalam menjana modal tetap kasar harus diambil oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta supaya ekonomi negara Malaysia dapat ditingkatkan.

ABSTRACT

The purpose of this study was to analyse the relationship between the macroeconomic variables, namely the economic growth of Malaysia with gross fixed capital formation. This study also analyzed trends in other macroeconomic variables from the year 1982 until 2007. In this study, the macroeconomic variables analyzed were economic growth, gross fixed capital formation, foreign direct investment, employment and export. Vector Error Correction Model (VECM) analysis was used in this study to examine whether there exist a long-term relationship or a short-term relationship between the variables studied. In addition, some other tests had been carried out such as stationary tests using Augmented Dickey-Fuller (ADF) and Philip-Perron test (PP), Cointegration test and Vector Error Correction Model test (VECM). Overall, the results obtained showed that there was a strong relationship between economic growth in Malaysia with gross fixed capital formation in the long term and not in the short term. This is because it takes a longer length of time for the macroeconomic variables to influence each other. In addition, the study results also showed that gross fixed capital formation, employment, exports and foreign direct investment were positively related to Malaysia's economic growth. Results from the study suggested that various incentives in generating gross fixed capital must be taken by the government or the private sector to ensure that the Malaysian economic growth can be sustained.